

19/02/2000

Labuan jadi destinasi pelancongan

LABUAN, Jumaat - Kerajaan kini menetapkan sasaran untuk membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pelancongan ideal bagi mereka yang berusia 50 tahun ke atas, terutama dari Eropah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia, berkata ini kerana pihaknya mendapati pulau itu mempunyai segala kemudahan dan potensi diperlukan bagi menarik kehadiran golongan berkenaan.

"Mereka yang berumur 50 tahun ke atas terutama golongan pesara, biasanya suka dengan suasana sunyi, udara nyaman dan tidak ada pencemaran, dan ini semuanya ada di Labuan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran sambutan ulang tahun ke-25 Petronas di Ujana Kewangan di sini.

Hadir sama Pengarah Pentadbiran Labuan, Datuk Muhammad Mohd Daud; Naib Presiden (Pendidikan) Petronas, Tan Sri Noordin Hassan serta Pengurus Besar Petronas Wilayah Sabah dan Labuan, Masri Yusuf.

Sehubungan itu Pandikar berkata, beliau sudah berbincang dengan Pengarah Pentadbiran Labuan supaya mempertingkatkan usaha menarik minat golongan berkenaan datang ke pulau itu, sekaligus menjadikannya sebagai satu imej tersendiri bagi Labuan.

Dalam masa sama, beliau juga menyeru sektor swasta khususnya pengusaha hotel agar dapat menyediakan galakan tertentu untuk pelancong dalam kumpulan sasar itu, selain mengadakan kerjasama dengan agensi pelancongan dari Eropah.

Sehingga kini, katanya, sebuah agensi pelancongan dikenali sebagai Saga Group sudah melakukan inisiatif membawa masuk pelancong berumur 50 tahun ke atas dari Britain datang ke pulau itu.

"Saya juga difahamkan agensi terbabit sudah membuat satu dokumentari khusus tentang pulau ini untuk ditayangkan kepada 12 juta rakyat Britain terutama mereka yang berada dalam kumpulan umur berkenaan," katanya.

Menurutnya, usaha itu bagaimanapun bukan bermakna pihaknya tidak memberi tumpuan terhadap pelancong dalam peringkat umur lain, tetapi tumpuan khusus perlu diberikan kepada kumpulan sasar terbabit memandangkan ia mempunyai potensi pasaran besar dalam merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi di pulau itu.

Berikutan itu juga, menurut beliau, pihaknya akan mengkaji semula setiap permohonan bagi pembinaan kilang yang boleh mendatangkan pencemaran di pulau itu.

Katanya, ia bagi memastikan status Labuan sebagai pulau yang belum tercemar akan terus dipelihara, selain dalam masa sama akan sentiasa memastikan aktiviti ekonomi dipertingkatkan sebagai usaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Beliau berkata, Wilayah Persekutuan Labuan akan terus dikekalkan sebagai pulau yang mempunyai tarikan serampang tiga mata iaitu pelancongan, pulau bebas cukai serta pusat kewangan pesisir antarabangsa (IOFC).

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri memberi perhatian khusus terhadap pembangunan Labuan dengan mengarahkan agar usaha dipertingkatkan menarik minat kehadiran lebih ramai pelancong ke pulau itu.

Menurut beliau, antara arahan terbaru Perdana Menteri ialah menjadikan kawasan perkampungan air Kampung Patau-patau Satu, sebagai satu pusat pelancongan terutama dalam menarik minat pelancong luar negara.

(END)